

Nama Tingkatan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 وَمَجْدِ كَرَامَةِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 يَا أَيُّهَا اسْلَامُ كَلِمَتُنْ



1103/1
 Bahasa
 Melayu
 Kertas 1
 Ogos
 2019
 2 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019
 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

BAHASA MELAYU
 Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak
 [Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada amalan rumah terbuka di negara kita. Huraikan pendapat anda tentang manfaat amalan rumah terbuka dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan.

AMALAN RUMAH TERBUKA DI MALAYSIA



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Penggunaan laman sosial dalam kalangan murid-murid sekolah semakin meningkat.

Jelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh kepada murid-murid sekolah yang menggunakan laman sosial secara bijak.

2. Amalan hidup berjimat cermat dalam kalangan anak-anak perlu disemai oleh setiap ibu bapa dalam sesebuah institusi keluarga.

Bincangkan cara-cara yang perlu dijalankan oleh ibu bapa untuk memupuk anak-anak agar sentiasa mengamalkan hidup berjimat cermat dan kekangan-kekangan yang sering dihadapi.

3. Walaupun isu keselamatan murid-murid semasa berada di sekolah sudah banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak namun kes kecederaan, kematian dan kehilangan masih lagi kerap berlaku.

Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk meningkatkan tahap keselamatan murid-murid semasa berada di sekolah.

4. Ancaman jenayah siber menyebabkan banyak negara di dunia telah mengalami kerugian yang sangat membimbangkan.

Jelaskan pendapat anda tentang punca-punca dan langkah-langkah untuk mengatasi jenayah tersebut.

5. 'Kesopanan dan Kesusilaan' merupakan prinsip kelima Rukun Negara. Prinsip ini berkait rapat dengan penyemaian nilai-nilai moral dan akhlak dalam kalangan masyarakat

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk memupuk nilai-nilai moral dan akhlak dalam kalangan masyarakat.